



Google Analytics

Panduan Asas Google Analytics

Mohd Hadihaizil Din
www.eizil.com

Prakata

Panduan asas Google Analytics ini diwujudkan untuk memudahkan webmaster atau tuan punya laman sesawang untuk membuat penilaian prestasi dan seterusnya menambah baik laman masing-masing.


Google Analytics merupakan produk keluaran Google Inc. yang membolehkan kita sebagai empunya laman sesawang untuk mengenalpasti taburan pelawat dan aktiviti pelawat di laman sesawang kita.

Alat analitikal ini ditawarkan sebagai perkhidmatan percuma dan juga perkhidmatan berbayar. Dalam panduan asas ini, kita akan belajar bagaimana untuk mendaftar akaun Google Analytics dan seterusnya bagaimana untuk memasang kod pengesanan (tracking code) dalam laman kita.

Bab-bab berikutnya adalah bagaimana kita boleh menggunakan data dalam Google Analytics ini untuk membantu meningkatkan prestasi laman kita. Saya akan berkongsi tips-tips asas terlebih dahulu dalam panduan kali ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga, rakan-rakan, sahabat handai dan semua yang terlibat secara langsung dan tak langsung dalam penyediaan panduan asas ini. Semoga dengan panduan ringkas ini, ianya akan dapat menambah baik laman tuan puan sekalian.

Sekian, terima kasih,



Dari meja editor,

Senarai isi kandungan


Prakata	2
Senarai isi kandungan	3
Mendaftar akaun Google Analytics	4
Beberapa kaedah memasang kod Google Analytics	10
Penerangan Data Asas Google Analytics	14
Membuat analisa data yang diperolehi	16
Fungsi-fungsi lanjutan Google Analytics	17
Rumusan	21
Penghargaan	22

Mendaftar akaun Google Analytics

Proses untuk mendaftar akaun Google Analytics adalah mudah. Anda hanya perlu mempunyai akaun google, jika belum anda, pendaftaran adalah percuma.




Paparan muka hadapan <http://google.com/analytics>

Klik pada butang Access Google Analytics dan anda akan di minta untuk sign in atau create new account.



Akaun yang masih belum pernah menggunakan Google Analytics, anda akan melihat paparan berikut.

Start analysing your site's traffic in 3 steps

- 1 Sign up for Google Analytics**

All we need is some basic info about what site you'd like to monitor.
- 2 Add tracking code**

You'll get a tracking code to paste onto your pages so that Google knows when your site is visited.
- 3 Learn about your audience**

In a few hours, you'll be able to start seeing data about your site.

Start using Google Analytics

Sign up now, it's easy and free!
Still have questions? [Help Centre](#)

Klik butang Sign Up

Kemudian anda akan di bawa ke paparan seperti di bawah

New Account

What would you like to track?

Website Mobile app

Tracking Method

This property works using Universal Analytics. Click *Get Tracking ID* and implement the Universal Analytics tracking code snippet to complete your set up.

Setting up your account

Account Name required
Accounts are the top-most level of organisation and contain one or more tracking IDs.

Nama Blog / Laman Anda

Setting up your property

Website Name required
Nama blog anda

Website URL required
http/ www.namaomainanda.com

Industry Category ?
Other

Reporting Time Zone
Malaysia (GMT+08:00) Kuala Lumpur

Berikut adalah penerangan untuk perkara yang anda perlu isi

Account Name

Kebiasaannya, saya akan gunakan nama blog atau laman sesawang untuk ruangan ini, saya akan asingkan akaun untuk setiap blog atau laman yang saya miliki.

Website Name

Sila masukkan url atau nama blog anda

Website URL

Sila masukkan domain anda, sekiranya anda menggunakan domain dengan pangkal www. Sila masukkan sekali url penuh dengan www dalam ruangan ini.


Industri Category

Pemilihan kategori mengikut isi kandungan laman atau blog anda.

Reporting Time Zone

Saya memilih negara Malaysia disebabkan lokasi laman dan lokasi saya yang berada di Malaysia, anda boleh juga memilih lokasi mengikut pilihan masing-masing.

Pada bahagian seterusnya, terdapat ruangan Data Sharing Settings, saya biarkan semuanya tetapan seperti sedia ada.



The screenshot shows the 'Data Sharing Settings' interface in Google Analytics. It includes a title, a privacy notice, and four checked options, each with a 'RECOMMENDED' label and a brief description of the data sharing feature.


Data Sharing Settings ?

Data that is collected, processed and stored in your Google Analytics account ("Google Analytics data") is secure and kept confidential. Google Analytics data is used to provide and maintain the service, to perform system critical operations, and in rare exceptions for legal reasons as described in our [privacy policy](#).


The data sharing options give you more control over sharing your Google Analytics data. [Learn more](#).

- With other Google products only** **RECOMMENDED**
Enable enhanced ad features, and an improved experience with AdWords, AdSense and other Google products by sharing your website's Google Analytics data with other Google services, and develop better Google services by sharing non-personal data. Only Google services (no third parties) will be able to access your data. [show example](#)
- Anonymously with Google and others** **RECOMMENDED**
Enable benchmarking by sharing your website data in an anonymous form. Google will remove all identifiable information about your website, combine the data with other anonymous sites in comparable industries and report aggregate trends in the benchmarking service. [show example](#)
- Technical support** **RECOMMENDED**
Let Google technical support representatives access your Google Analytics data and account when necessary to provide service and find solutions to technical issues.
- Account specialists** **RECOMMENDED**
Give Google marketing specialists and your Google sales specialists access to your Google Analytics data and account so that they can find ways to improve your configuration and analysis, and share optimisation tips with you. If you don't have dedicated sales specialists, give this access to authorised Google representatives.

Setelah selesai mengisi semua butiran yang diperlukan. Klik pada butang Get Tracking ID.



Anda akan diminta untuk mengesahkan terma dan syarat perkhidmatan Google Analytics.



Setelah membuat pengesahan, anda akan diberikan Tracking ID dan tracking code. Kita bersambung dalam bab seterusnya bagaimana untuk memasang kod Google Analytics ini.

Tracking ID

UA-58474207-1

Website tracking

This is the Universal Analytics tracking code for this property. To get all the benefits of Universal Analytics for this property, copy and paste this code into every web page that you want to track.

This is your tracking code. Copy and paste it into the code of every page that you want to track.

```
<script>
(function(i,s,o,g,r,a,m){i["GoogleAnalyticsObject"]=r;[r]=i[r]||function(){
(i[r].q=i[r].q||[]).push(arguments)},i[r].l=1*new Date();a=s.createElement(o),
m=s.getElementsByTagName(o)[0];a.async=1;a.src=g;m.parentNode.insertBefore(a,m)
})(window,document,'script','/www.google-analytics.com/analytics.js','ga');

ga('create', 'UA-58474207-1', 'auto');
ga('send', 'pageview');

</script>
```

Beberapa kaedah memasang kod Google Analytics

RAW HTML

Cara paling asas untuk meletakkan kod Google Analytics ini adalah dengan mengubahsuai kod HTML laman sesawang kita.

Buka ruangan head laman anda. Cari kod seperti di bawah

```
</head>
```

Kemudian tambah kod Google Analytics sebelum baris tersebut. Contoh seperti di bawah:

```
<script>
(function(i,s,o,g,r,a,m){i['GoogleAnalyticsObject']=r;i[r]=i[r]||function(){
(i[r].q=i[r].q||[]).push(arguments)},i[r].l=1*new Date();a=s.createElement(o),
m=s.getElementsByTagName(o)[0];a.async=1;a.src=g;m.parentNode.insertBefore(a,m)
})(window,document,'script','//www.google-analytics.com/analytics.js','ga');

ga('create', 'UA-58474XXX-1', 'auto');
ga('send', 'pageview');

</script>
</head>
```

Kemudian save dan muat naik fail yang telah dikemaskini ke ruangan hosting anda. Anda boleh memeriksa kod itu berfungsi atau tidak dengan melihat paparan Google Analytics > Real Time > Overview (*penerangan lengkap di bab Penerangan Fungsi Google Analytics*)


WordPress Plugins

Sekiranya anda menggunakan WordPress, ada beberapa plugin yang boleh digunakan untuk memudahkan pengurusan kod Google Analytics ini.


Salah satu daripada plugin tersebut adalah All In One SEO Pack. Saya menggunakan plugin ini untuk beberapa tujuan selain memudahkan pengurusan Google Analytics.

Anda boleh memasang plugin All In One SEO Pack ini sekiranya ingin menggunakan teknik mudah ini. Selepas membuat pemasangan, aktifkan plugin tersebut.

Pergi ke ruangan All In One SEO > General Settings




Kemudian pergi ke ruangan tetapan Google Analytics seperti di bawah



Anda hanya perlu mengisi Google Analytics ID ke ruangan kosong tersebut atau klik butang Connect With Google Analytics.

Setelah Tracking ID dimasukkan, anda akan dapat melihat paparan seperti di bawah




The image shows a screenshot of the Google Analytics settings interface. It contains several options, each with a help icon (a question mark in a circle) to its left. The options and their states are as follows:

- Use Universal Analytics:**
- Advanced Analytics Options:** Enabled Disabled
- Tracking Domain:**
- Track Multiple Domains:**
- Anonymize IP Addresses:**
- Display Advertiser Tracking:**
- Exclude Users From Tracking:** Administrator Author
 Contributor Editor
 Comment Moderator Subscriber
- Track Outbound Links:**
- Enhanced Link Attribution:**
- Enhanced Ecommerce:**

Ada beberapa option mengikut keperluan, untuk blog peribadi, cukup sekadar enable seperti yang dalam paparan di atas.

Genesis Framework

Pengguna genesis framework boleh menggunakan ruangan tetapan Theme Genesis untuk memasukkan kod Google Analytics ini. Pergi ke halaman Genesis > Theme Settings.



Kemudian masukkan kod Tracking Google Analytics di ruangan Header and Footer script.

```
<script>
(function(i,s,o,g,r,a,m){i['GoogleAnalyticsObject']=r;i[r]=i[r]||function(){
(i[r].q=i[r].q||[]).push(arguments)},i[r].l=1*new Date();a=s.createElement(o),
m=s.getElementsByTagName(o)[0];a.async=1;a.src=g;m.parentNode.insertBefore(a,m)
})(window,document,'script','//www.google-analytics.com/analytics.js','ga');

ga('create', 'UA-12345678-1', 'eizil.com');
ga('require', 'displayfeatures');
ga('send', 'pageview');

</script>
```

Penerangan Data Asas Google Analytics

Google Analytics merupakan alat yang memberikan kita pelbagai maklumat mengenai pembaca atau pelawat laman sesawang kita. Ianya akan membolehkan kita menilai prestasi laman kita.

Ada beberapa indicator utama yang akan dibincangkan dalam panduan asas ini. Ini adalah indicator yang akan membantu kita untuk menambah baik isi kandungan dan perjalanan laman kita.



Ini adalah contoh paparan utama Google Analytics. Ianya dipanggil Audience Overview. Di sini ada beberapa indicator yang boleh kita lihat. Contoh di atas diambil dari salah satu blog yang saya usahakan.

Sessions

ini merupakan jumlah sesi seorang pelawat yang hadir di blog tersebut.

Users

Users pula merupakan individu yang melawat sesebuah blog atau halaman. Setiap user mungkin mempunyai beberapa sesi lawatan yang berlainan.

Pageviews

Pageviews pula adalah jumlah halaman yang dibuka oleh pelawat dalam setiap sesi.

Pages / Session

Ini merupakan purata jumlah halaman yang dibuka oleh pelawat dalam setiap sesi. Semakin banyak isi kandungan berkaitan yang ditulis dalam blog atau halaman web kita, semakin tinggi purata jumlah halaman setiap sesi ini.

Avg. Session Duration

Indikator ini merupakan purata masa yang diambil oleh setiap pelawat dalam setiap sesi.

Bounce Rate

Kadar pelawat membuka halaman-halaman lain dalam sesebuah laman sesawang. Sekiranya bounce rate tinggi, ini bermakna pelawat membuka satu sahaja halaman dan kemudian menutup browser atau pergi ke laman sesawang lain.

% New Sessions

Ini adalah kadar pelawat baru yang melawat laman tersebut. Dalam contoh paparan di atas, kadar pelawat baru adalah tinggi kerana blog tersebut fokus kepada pelawat organik dari enjin carian.

Membuat analisa data yang diperolehi

Apabila kita membuat analisa daripada data yang diperolehi, kita tidak seharusnya membaca satu-satu data semata-mata. Kita perlu menggabungkan beberapa indikator tersebut untuk mendapatkan analisa yang lebih baik.

Contoh #1 - bounce rate vs laman jualan:

lazimnya, ramai yang akan menyatakan bounce rate yang tinggi adalah tidak baik, namun begitu, ini adalah tidak benar sekiranya halaman yang mereka lawat itu adalah halaman jualan yang tidak memerlukan mereka ke halaman lain.

Dalam skop ini, kita perlu menilai conversion rate berbanding melihat bounce rate tersebut.

Contoh #2 - bounce rate vs avg. session duration:

dalam kes berlainan, bounce rate mungkin sangat rendah, namun begitu, purata tempoh seseorang pelawat yang hadir hanya kurang 10 saat. Ini bermaksud pelawat hanya klik pelbagai link dalam blog tersebut, tanpa mengambil masa untuk membaca setiap halaman yang mereka klik.

Dalam analisa keseluruhan, ini bukanlah kesan yang baik untuk bounce rate yang rendah tersebut.

Contoh #3 - avg. session duration vs content

kes seterusnya melibatkan avg. session duration yang sangat lama tempohnya, namun begitu artikel yang mereka lawati itu hanyalah artikel pendek yang tidak memerlukan tempoh yang lama untuk di baca. Ada kemungkinan mereka buka halaman tersebut tanpa berbuat apa-apa tindakan lanjutan.


Disebabkan ada banyak indikator dalam Google Analytics ini, adalah sangat penting untuk kita menilai secara keseluruhan, iaitu menggabungkan pelbagai indikator ini untuk membuat analisa yang lebih baik.

Elakkan hanya melihat pada satu-satu indikator sahaja, kerana ianya tidak akan memberikan gambaran yang sebenar.

Fungsi-fungsi lanjutan Google Analytics

Google Analytics mempunyai banyak fungsi dan data yang boleh kita gunakan untuk dimanipulasi bagi kepentingan perniagaan dan lain-lain.

Berikut adalah pecahan beberapa bahagian utama Google Analytics. Kita akan membincangkan dua ruangan utama dalam panduan asas kali ini. Iaitu Real-Time dan Audience



Real-Time

Real-Time ini merupakan fungsi dimana kita boleh melihat statistik langsung pelawat yang sedang melayari laman sesawang atau blog kita.



Gambarajah berikut menunjukkan contoh bagaimana Real-Time Overview berfungsi. Ruangan Right now itu memberitahu secara langsung jumlah pelawat yang sedang melayari laman sesawang atau blog kita.

Kita akan dapat melihat halaman yang sedang aktif dilihat, trafik dari media sosial, referal, kata kunci dan beberapa lagi data secara langsung.

Fungsi ini sangat berguna terutama sekiranya kita sedang melakukan sebarang kempen pengiklanan yang sedang aktif. Kita akan dapat menilai taburan pelawat daripada kesan kempen pengiklanan tersebut.


Audience

Seterusnya adalah ruangan Audience, dalam pengenalan awal data Google Analytics, saya akan menunjukkan gambarajah Audience Overview. Selain daripada data asas dalam overview tersebut, ada banyak lagi data lain yang boleh kita perolehi.

Antara data-data tersebut adalah seperti taburan lokasi, jenis browser, jenis bahasa, pergerakan pelawat dalam laman kita, pelawat baru dan pelawat berulang, teknologi yang digunakan, jenis peranti dan banyak lagi data berkaitan.

Semua ini boleh kita gunakan untuk kelebihan perniagaan atau kempen pemasaran kita.

Contohnya data di bawah:



Daripada taburan demografik ini, kita dapat lihat pelawat wanita lebih ramai daripada pelawat lelaki. Dan taburan umur dari 18 tahun hingga 34 tahun merupakan majoriti pelawat laman ini.

Sekiranya kita menjual produk kecantikan atau produk kesihatan, kita boleh fokus pada golongan ini kerana itu adalah majoriti pelawat laman tersebut. Kita juga boleh menggunakan strategi yang akan dapat memikat pelanggan perempuan dengan lebih baik.

Device Category	Acquisition			Behavior			Conversions		
	Sessions	% New Sessions	New Users	Bounce Rate	Pages / Session	Avg. Session Duration	Goal Conversion Rate	Goal Completions	Goal Value
	105,655 <small>% of Total: 100.00% (105,655)</small>	86.24% <small>Avg for View: 86.22% (0.02%)</small>	91,121 <small>% of Total: 100.00% (91,121)</small>	3.91% <small>Avg for View: 3.91% (0.02%)</small>	3.41 <small>Avg for View: 3.41 (0.02%)</small>	00:01:15 <small>Avg for View: 00:01:15 (0.02%)</small>	0.00% <small>Avg for View: 0.00% (0.02%)</small>	0 <small>% of Total: 0.00% (0)</small>	\$0.00 <small>% of Total: 0.00% (\$0.00)</small>
1. mobile	53,149 (50.32%)	85.68%	45,532 (50.07%)	3.30%	3.27	00:01:08	0.00%	0 (0.00%)	\$0.00 (0.00%)
2. desktop	44,318 (41.82%)	87.73%	38,879 (42.67%)	4.69%	3.58	00:01:23	0.00%	0 (0.00%)	\$0.00 (0.00%)
3. tablet	8,197 (7.79%)	81.86%	6,710 (7.36%)	3.81%	3.32	00:01:27	0.00%	0 (0.00%)	\$0.00 (0.00%)

Dalam gambarajah di atas, ini merupakan taburan pelawat yang menggunakan peranti mobile, tablet dan desktop.

Kita dapat lihat 53% pelawat laman ini menggunakan peranti mobile untuk membaca laman tersebut. Sekiranya laman tersebut tidak di optimasi untuk paparan mobile. Pelawat-pelawat ini akan berlalu pergi tanpa boleh mendapatkan maklumat yang mereka inginkan dalam laman tersebut.

Ada beberapa lagi ruangan yang kita boleh lihat untuk membuat analisa mengenai taburan pelawat laman kita yang akan memberi impak secara langsung kepada perjalanan laman yang sedang kita usahakan.

Rumusan

Ini merupakan panduan asas untuk sesiapa yang belum pernah menggunakan Google Analytics untuk menilai taburan pelawat dan aktiviti di laman mereka. Maklum balas, cadangan atau sebarang komen untuk menambah baik panduan asas ini amat dialukan.

Sekiranya ada sebarang persoalan mengenai Google Analytics, boleh hubungi saya melalui cara-cara di bawah:

Facebook : <http://facebook.com/slumberman>

Blog : <http://www.eizil.com/hubungi-saya>

Email : eizil [at] eizil [dot] com

Penghargaan

Terima kasih diucapkan kepada Cik Jan (<http://cikjan.com>), Ain Ridzuan (<http://ainridzuan.com>), Mak Jemah (<http://permatacintaku.com>), Ishak Ismail (<http://explorasa.my>), Firdaus Azizi (<http://firdausazizi.my>), Hazman Fadzil (<http://hazmanfadzil.com>), Eyriqazz (<http://eyriqazz.com>), team Denaihati Network Sdn Bhd, rakan-rakan blogger, sahabat handai dan semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan penerbitan Panduan Asas Google Analytics pada kali ini.

Semoga Allah limpahkan rezeki yang luas, kesihatan yang baik dan kejayaan dunia akhirat kepada mereka semua.